

**Malaysia Akan Berusaha Keras Untuk Duduki Kerusi Majlis Keselamatan PBB
Bernama
21 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 21 Mei (Bernama) -- Malaysia akan berusaha keras untuk menduduki kerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNSC) bagi penggal 2015-2016 bagi membolehkannya memainkan peranan lebih berkesan dalam isu keselamatan antarabangsa.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata walaupun beliau yakin negara anggota Asean akan memberi sokongan kepada Malaysia, tetapi memandangkan Malaysia merupakan satu-satunya negara anggota pertubuhan serantau itu yang bertanding, maka undi negara lain juga tidak kurang pentingnya.

"Kami tidak boleh memandang ringan. Kami perlu berusaha dengan tekun dan perlu mendekati serta menemui para pemimpin dari pelbagai negara untuk mendapatkan kerusi itu, walaupun saya yakin nama Malaysia disanjung tinggi di seluruh dunia," katanya kepada pemberita di sini Selasa.

Anifah berkata dengan menduduki kerusi UNSC, Malaysia boleh menghantar mesej jelas tentang keamanan dan hak semua negara untuk wujud secara beriringan dengan negara lain.

Sementara itu, beliau juga berkata adalah menjadi tanggungjawab kementerian itu untuk membersihkan nama Malaysia di luar negara berikutan tindakan pihak tertentu yang mencemarkan imej negara ini melalui pelbagai tuduhan dan taktik negatif, terutama berkaitan pilihan raya umum yang diadakan baru-baru ini.

Mengenai 21 rakyat Malaysia yang ditahan di Singapura kerana mengadakan bantahan berkaitan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini, beliau berkata walaupun undang-undang negara itu perlu dihormati, namun adalah menjadi tanggungjawab kementerian yang diterajunya untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan.

Mengenai lawatan Presiden Amerika Barack Obama ke Malaysia Oktober ini, Anifah berkata perkara itu perlu disahkan semula memandangkan jadual Obama mungkin berubah berikutan masalah dalaman.

Katanya Malaysia berazam untuk meningkatkan hubungan dengan jirannya, termasuk Singapura, Thailand dan Filipina.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951306>